

10/04/1997

Pameran ekonomi di PWTC 16 April

Mutazar Abd Ghani

SATU pameran mengenai pencapaian ekonomi Bumiputera akan diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) bermula dari 16 hingga 17 April ini, sempena ulang tahun ke-50 Umno.

Pameran selama 12 hari yang dianjurkan oleh Pergerakan Wanita Umno itu akan memperagakan 11 sektor ekonomi yang disertai Bumiputera sepanjang tempoh berkenaan, termasuk perladangan, perkapalan dan maritim, petroleum, lapangan terbang dan penerangan.

Sektor lain ialah pembangunan lebuhraya dan tenaga, pendidikan, telekomunikasi, kewangan, pembangunan tanah dan hartanah, automotif dan pengangkutan darat.

Mengumumkan perkara itu dalam sidang akhbar di Kuala Lumpur, semalam, Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, menyatakan pameran menonjolkan pencapaian Bumiputera yang meliputi semua aspek dan bidang industri itu adalah terbesar pernah diadakan di negara ini.

Menurutnya, ia akan mempamerkan segala usaha dan kejayaan kerajaan serta Umno sebagai tunggak kepada kecemerlangan politik sosial dan negara sepanjang lima dekad lalu.

"Ekspo itu juga akan membawa umum mengimbas kembali kemajuan politik dan ekonomi selama 50 tahun dengan adanya laluan nostalgia sebuah `terowong masa' yang memaparkan rakaman peristiwa dan kegiatan sebenarnya berfungsi memartabatkan negara dalam bidang ekonomi dan perdagangan," katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan merasmikan pameran berkenaan pada 16 April ini.

Pameran raksasa itu dijayakan bersama dengan sumbangan dalam bentuk bahan rujukan pameran dan kewangan daripada lebih 100 syarikat milik Bumiputera di negara ini.

Pameran akan dibuka kepada orang ramai dari 17 hingga 27 April iaitu dari jam 12 tengah hari hingga 8 malam (Isnin-Jumaat) dan 11 pagi hingga 8 malam (Sabtu, Ahad dan cuti umum).

Ia turut dibuka pada Hari Raya Haji (18 April 1997).

(END)